



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN
HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/07**

NAMA MATAPELAJARAN : KEUSAHAWANAN SIBER
KOD MATAPELAJARAN : DIT 2213
KURSUS : 2 DIT
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006
JANGKAMASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 MUKA SURAT

BAHAGIAN A

Arahan : Nyatakan pernyataan berikut sama ada **BETUL** atau **SALAH**.

- S1 Perkhidmatan *Pay-per-Click* akan mengenakan bayaran bagi setiap klik yang dibuat ke atas pautan yang diletakkan di dalam enjin carian.
- S2 Strategi *Get Big Fast* yang telah diaplikasikan oleh eBay telah menjadi faktor utama kepada kejayaan syarikat tersebut dalam menjalankan perniagaannya di Internet.
- S3 Forum dan email adalah antara beberapa cara untuk mempromosikan sesuatu perniagaan siber.
- S4 Seorang individu itu tidak perlu menjadi seorang yang pakar dalam bidang teknikal untuk digelar sebagai seorang usahawan siber.
- S5 Perancangan perniagaan adalah satu dokumen yang komprehensif yang dapat membantu usahawan siber untuk menganalisa pasaran dan seterusnya membangunkan strategi pemasaran.
- S6 Pengguna yang ingin menggunakan PayPal mestilah mempunyai tiga jenis akaun iaitu akaun kad kredit, akaun kad debit dan akaun bank.
- S7 Microsoft .Net Passport adalah satu contoh perkhidmatan tunai elektronik yang membenarkan pelanggan untuk melakukan pembayaran dalam talian.
- S8 Hakcipta yang diberikan oleh kerajaan ke atas sesuatu hasil kerja individu adalah tidak terhad kepada satu jangka masa yang tertentu.

- S9** Sijil digital digunakan di dalam e-perniagaan untuk mengesahkan pengirim sesuatu dokumen dan untuk memastikan kualiti dokumen tersebut.
- S10** Segmentasi pasaran adalah satu proses mendapatkan dan menguruskan modal sepanjang sesuatu perniagaan itu beroperasi.

BAHAGIAN B

Arahan : Jawab **SEMUA** soalan.

- S11** (a) Usahawan siber adalah usahawan yang mempunyai kemahiran dan minda yang fokus untuk melibatkan diri dalam ekonomi berasaskan pengetahuan (*knowledge economy*). Berikan **DUA (2)** definisi ekonomi berasaskan pengetahuan. (6 markah)
- (b) Dengan menggunakan **SATU (1)** contoh yang sesuai, terangkan satu langkah untuk memperbaiki rantaian nilai (*value chain*). (6 markah)
- (c) Jelaskan **SATU (1)** jenis inovasi yang telah anda pelajari. (3 markah)
- S12** (a) Keselamatan komputer pelanggan boleh dilakukan dengan menetapkan peringkat keselamatan kepada **EMPAT (4)** zon yang berbeza. Jelaskan setiap zon tersebut. (12 markah)
- (b) Berikan **SATU (1)** kebaikan dan **SATU (1)** keburukan enkripsi *asymmetric* dalam melindungi saluran komunikasi perniagaan di Internet. (3 markah)
- S13** (a) Berikan definisi pemasaran di web. (3 markah)
- (b) Perancangan pemasaran haruslah mempunyai empat komponen asas yang perlu dikenalpasti oleh usahawan. Terangkan **EMPAT (4)** komponen asas tersebut. (12 markah)

- S14** (a) Salah satu pilihan pembelian yang diaplikasikan oleh Amazon.com ialah *1-Click* yang telah mendapat hak paten pada tahun 1999. Jelaskan bagaimana *1-Click* berfungsi. (3 markah)
- (b) Barnes & Noble mempunyai satu pilihan pembelian yang dikatakan mempunyai persamaan dengan *1-Click*. Nyatakan pilihan pembelian tersebut dan jelaskan bagaimana ianya berfungsi. (6 markah)
- (c) Penjual yang ingin menjual satu set barangan di eBay akan dikenakan dua jenis bayaran. Nyatakan **DUA (2)** jenis bayaran tersebut. (6 markah)

BAHAGIAN C

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

S15 Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan kajian kes yang diberi.

Anda baru sahaja menamatkan pengajian di KUiTTTHO dan masih belum mendapat pekerjaan. Berdasarkan satu statistik yang dibincangkan di dalam buku Irfan Khairi di dalam bukunya yang berjudul *Secrets of Internet Millionaires Revealed* (2006), terdapat 9.5 juta pengguna Internet di Malaysia. Berdasarkan kepada perkembangan yang pesat ini, anda bercadang untuk menjalankan satu perniagaan di Internet. Menurut pengarang buku ini yang juga merupakan seorang jutawan Internet Malaysia, ada empat langkah utama bagi memulakan sesuatu perniagaan dalam talian.

- (a) Berikan **SATU (1)** contoh perniagaan yang sesuai untuk dijalankan di Internet.
(2 markah)
- (b) Jelaskan **DUA (2)** kebaikan dan **DUA (2)** kelemahan perniagaan yang ingin anda jalankan.
(8 markah)
- (c) Terangkan dengan terperinci **EMPAT (4)** langkah yang perlu anda ambil bagi memulakan perniagaan tersebut.
(20 markah)